

Kualiti pekerja penting: PM

BH - 1 JUN 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kualiti tenaga kerja adalah unsur penting dalam mencapai matlamat negara menuju kejayaan dan kemakmuran ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, pembangunan sumber manusia bermaksud meningkatkan kualiti tenaga kerja dan kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia kerana percaya penduduk adalah sumber utama.

"Sehubungan itu, pembangunan nilai dan sikap mesti diterapkan dalam semua program latihan tenaga kerja supaya pekerja

mempunyai rasa tanggungjawab memajukan diri dan kerjaya.

"Golongan pekerja boleh berusaha memperbaiki taraf kehidupan, tetapi bukan dengan meminta kenaikan gaji tanpa mempertingkatkan produktiviti," katanya ketika merasmikan Institut Jerman-Malaysia (GMI) di Taman Shamelin, Cheras di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, pekerja mesti sedar tanggungjawab dalam pembangunan sumber manusia. Jika pekerja kita mahu menyesuaikan dengan suasana kerja baru, mereka mesti memainkan peranan dengan mengutamakan budaya latihan.

"Pekerja mesti terus mempertingkatkan kemahiran dan membangunkan kemahiran baru sebagai persediaan dalam perubahan teknologi yang akan dihadapi.

"Produktiviti bukan sahaja melalui penggunaan modal besar, organisasi kerja yang baik dan sikap kerja yang betul, malah yang lebih penting di pihak pekerja dan majikan ialah melabur dalam pembangunan kemahiran," katanya.

Hadir sama ialah Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Mohd Yusof Nor serta Menteri Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Jerman, Carl-Dieter Spranger. GMI ditubuhkan pada Di-

seMBER 1991 dan setakat ini mempunyai hampir 200 pelajar. Apabila beroperasi sepenuhnya, institut itu mampu memberi peluang pendidikan kepada 450 pelajar.

Dr Mahathir berkata, latihan dan pendidikan di kalangan pekerja membabitkan tanggungjawab pelbagai pihak. Selain kerajaan, pihak majikan, pekerja, sekolah, institusi pelatihan, kesatuan sekerja serta ibu bapa mempunyai tugas yang besar.

Beliau menegaskan, bidang kemahiran dan vokasional adalah kerjaya yang unggul bagi generasi muda

LIHAT MUKA 2

Kualiti pekerja penting

BH - 1 JUN 1994

DARI MUKA 1

masa kini kerana ia turut membabitkan kelayakan yang tinggi bagi kalangan calonnya.

"Ini bermakna sesiapa yang diterima memasuki institut latihan vokasional dan teknikal juga mesti mempunyai kelayakan akademik yang baik. Latihan kemahiran tidak lagi untuk pelajar yang gagal.

"Kita mesti menukar tanggapan tidak adil terhadap kerjaya kolar biru dan latihan vokasional

jika kita mahu berjaya pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri yakin penubuhan GMI melalui kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Jerman, dapat membantu dalam pembangunan tenaga mahir di peringkat tinggi pada masa akan datang.

"Ini juga contoh bagaimana kerjasama antarabangsa, jika diberi perhatian, boleh memberi faedah," katanya.

Katanya, GMI adalah

pusat memperoleh teknologi Jerman yang terbukti maju, termasuk di bidang kejituan dan teknologi pengeluaran dan latihan vokasional.

Setakat ini, institut itu menawarkan program latihan selama tiga tahun sepenuh masa bertaraf diploma. Teknologi pengeluaran yang diajar membabitkan pembuatan peralatan, pembuatan acuan, reka bentuk peralatan, pemesin jitu dan automasi industri.